



**LAPORAN TAHUNAN**  
**UNIT RADIOLOGI**  
**HOSPITAL KANOWIT**  
**TAHUN 2023**


**DISEDIAKAN OLEH : MUHAMMAD AIMAN ABDULLAH**

**JAWATAN : JURU X-RAY U32**





**CARTA ORGANISASI**  
**UNIT RADIOLOGI**  
**HOSPITAL KANOWIT**



# LAPORAN TAHUNAN UNIT RADIOLOGI HOSPITAL KANOWIT BAGI TAHUN 2023

## PENGENALAN

- Hospital Daerah Kanowit bersama dengan Unit Radiologi mula dibina pada tahun 1982 dan beroperasi secara rasmi pada 16hb Februari 1984. Walaupun usianya telah meningkat melebihi 30 tahun, ia masih lagi beroperasi dengan sempurna bagi membantu pesakit terutama di Daerah Kanowit yang memerlukan rawatan kesihatan. Selain daripada Unit Radiologi ini, tiada pusat pengimejan diagnostik yang lain di daerah ini. Justeru itu, fungsi Unit Radiologi Hospital Kanowit amatlah penting bagi penduduk setempat.

## OBJEKTIF UMUM

- Menyediakan perkhidmatan Radiologi yang berkesan, cekap dan bermutu tinggi dengan mencapai pengliputan 100 % pesakit yang memerlukan pemeriksaan x-ray.

## MISI PERKHIDMATAN RADIOLOGI

- Memberi perkhidmatan yang mesra dan profesional kepada pelanggan serta menghasilkan imej x-ray yang mempunyai nilai diagnostik yang berkualiti.

## FUNGSI-FUNGSI

- Menyediakan perkhidmatan pemeriksaan x-ray general
- Membuat temu janji pemeriksaan khas CT Scan, MRI, Ultrasound dan Fluroskopi ke Hospital Pakar berdekatan untuk pesakit yang memerlukan.

## BEBAN KERJA 2023

### JUMLAH PEMERIKSAAN X-RAY BAGI TAHUN 2023

PEMERIKSAAN	DADA	ABDOMEN	EXTREMITI	RANGKA KEPALA	SPINE	LAIN-LAIN	JUMLAH
JUMLAH	2566	450	1531	207	279	209	5242

### JUMLAH PEMERIKSAAN KHAS TEMUJANJI BAGI TAHUN 2023


PEMERIKSAAN	ULTRASOUND	CT SCAN	MAMOGRAM
JUMLAH	465	68	7

## FUNGSI-FUNGSI

- Untuk temujanji pemeriksaan khas ini pemeriksaan adalah dilakukan di Hospital Pakar Sibul dimana pesakit tersebut adalah dibawah permintaan oleh pegawai perubatan yang bertugas di Hospital Kanowit. Unit Radiologi Hospital Kanowit hanya berperanan mendapatkan Tarikh temujanji untuk pesakit yang datang dari daerah Kanowit.


**BILANGAN PESAKIT LUAR YANG MENJALANI PEMERIKSAAN X-RAY BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2023**

TAHUN	2021	2022	2023
PESAKIT LUAR	3011	4305	5109



**BILANGAN PESAKIT DALAM WAD YANG MENJALANI  
Pemeriksaan X-RAY bagi tahun 2021 hingga 2023**

TAHUN	2021	2022	2023
PESAKIT DALAM	267	162	130



## PERMOHONAN LAPORAN FILEM RADIOLOGI BAGI TAHUN 2023

BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEPT	OKT	NOV	DEC	JUM
JUMLAH	12	30	35	10	40	31	24	26	20	27	24	42	321

- Permohonan untuk laporan filem x-ray ini dilakukan oleh Hospital Pakar SibU. Permohonan untuk laporan ini adalah dipohon oleh pegawai perubatan Hospital Kanowit dan dihantar ke Jabatan Radiologi Hospital SibU bagi pesakit dari daerah Kanowit. Penghantaran filem untuk laporan Radiologi ini dihantar setiap hari Selasa dan Khamis setiap minggu. Setelah siap laporan berkenaan pihak Jabatan Radiologi Hospital SibU akan menghantar laporan tersebut melalui pos ke Unit Radiologi Hospital Kanowit.

### PERANCANGAN MASA HADAPAN BAGI UNIT RADIOLOGI

- Perancangan di masa hadapan bagi Unit Radiologi Hospital Kanowit adalah ingin memastikan penggunaan sepenuhnya sistem **MPIS** bagi perkhidmatan Radiologi bagi pemeriksaan x-ray am untuk mengurangkan penggunaan cetakan filem x-ray dimana kos pembelian filem x-ray adalah sangat mahal dengan menggunakan sistem MPIS filem x-ray dapat dilihat di setiap unit yang memohon pemeriksaan tersebut. Cetakan filem hanya dilakukan sekiranya perlu sahaja.
- Untuk permohonan laporan Radiologi ke Hospital SibU sistem **SibU Hospital Radiology Report (SHRR)** akan diperkenalkan penggunaannya ke setiap unit/wad di Hospital Kanowit bagi memudahkan permohonan laporan filem x-ray diperolehi dengan cepat tanpa perlu menggunakan sistem pos. Laporan tersebut boleh diperolehi oleh pegawai perubatan dengan hanya melakukan log in ke akaun SHRR tersebut seterusnya memasukkan id pesakit yang berkenaan dan laporan tersebut dapat diperolehi dengan serta merta.
- Untuk pentaulihan staf baru bagi **C&P (Credentialing & Privileging)** staf yang perlu melalui latihan untuk kelayakan tersebut akan menjalani penempatan latihan di Jabatan Radiologi Hospital SibU untuk memenuhi kriteria yang diperlukan sebelum layak untuk diberi pengesahan tersebut. Latihan tersebut adalah bagi mengumpul kes-kes seperti CT Scan, MRI, Mamogram, dan Flurosopi. Pegawai yang perlu menjalani latihan tersebut akan menjalani latihan setiap minggu secara bergilir sehingga cukup tempoh latihan.

## PERBELANJAAN / PERUNTUKAN

### Pecahan Aktiviti

**1. AKTIVITI 27000**

Waran 1 - **RM 18,000.00**

Waran 2 – **RM 10,000.00**

Jumlah keseluruhan Peruntukan : **RM 28,000.00 (27501)** (DITERIMA DARI JKN SARAWAK)

**2. Pembelian filem X-Ray Bulan Februari 2023 : RM 17,270.00**

(Baki **RM 730.00** dari Waran 1)

**3. Pembelian filem X-Ray Bulan Jun 2023 : RM 9,900.00**

(Baki **RM 100** dari waran 2) Jumlah Keseluruhan pembelian filem x-ray = **RM 27,170** Bagi tahun 2023

**4. Pembayaran Perkhidmatan Lencana OSL Permonitoran Radiasi(ALYPZ) : RM 1,173.02**

(Peruntukan dibawah waran Pengurusan dan Unit Kejuruteraan)

Disediakan oleh :

MUHAMMAD AIMAN ABDULLAH  
JURU X-RAY U32  
HOSPITAL KANOWIT

.....  
**(MUHAMMAD AIMAN ABDULLAH)**

Juru X-Ray U32

Hospital Kanowit

Disahkan oleh:

DR. BERNADETTE SYONNIA BT. JARU SAWAT  
PENGARAH HOSPITAL  
HOSPITAL KANOWIT.  
MMC No 61590

.....  
**(DR. BERNADETTE SYONNIA BT JARU SAWAT)**

Pengarah Hospital Kanowit

MMC No: 61590